

Nama: \_\_\_\_\_ Kelas : \_\_\_\_\_

**SULIT**  
**Bahasa Melayu**  
**Kertas 1**  
**Set 1/2004**  
**1 Jam**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH**  
**PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2004**

**BAHASA MELAYU**  
**Ujian Pemahaman**  
Satu jam

**Arahan Am:**

1. Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.
4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.

### Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca rencana di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kampung Kuantan yang terletak kira-kira 56 kilometer dari ibu kota Kuala Lumpur menyimpan seribu rahsia keindahan yang jarang **diterokai**. Perkampungan ini terletak di tebing Sungai Selangor dan dikelilingi ladang buah-buahan, ladang kelapa sawit, dan kelapa yang diusahakan oleh penduduk setempat. Kampung ini sering mendapat perhatian kerana terkenal dengan kelip-kelip.

Kelip-kelip ialah sejenis serangga daripada kumpulan kumbang. Di sesetengah tempat, kelip-kelip disebut kunang-kunang atau api-api. Keunikan yang ada pada kelip-kelip ini ialah pada ekornya yang mengeluarkan cahaya. Kerlipan cahaya yang dikeluarkan serangga ini adalah serentak pada setiap masa, iaitu pada kadar tiga kerlipan sesaat. Keajaiban kelip-kelip bukan sahaja menarik perhatian pengunjung setempat malah pelancong dari serata dunia.

Kelip-kelip memerlukan keadaan cuaca yang lembap dan persekitaran yang berpayau. Kelip-kelip suka hinggap di pokok berembang. Pokok berembang merupakan sejenis pokok bakau yang tumbuh liar di sepanjang tebing Sungai Selangor. Cecair daripada daun pokok inilah yang menjadi sumber makanan utama bagi kelip-kelip. Selain itu, pokok ini juga bertindak sebagai penapis kotoran dan racun di dalam sungai.

Kelip-kelip sesuai dikunjungi pada jam tujuh petang hingga lewat tengah malam kecuali pada waktu hujan. Keindahan serangga ini jelas kelihatan pada waktu malam gelap tanpa cahaya bulan.

Untuk melihat keindahan kelip-kelip, pengunjung boleh menyusuri sungai dengan menaiki sampan. Selain dapat memberikan keseronokan kepada pengunjung, penggunaan cara tradisional ini dapat mengelakkan pencemaran bunyi dan asap yang akan mengganggu habitat serangga berkenaan..

1. Apakah keistimewaan Kampung Kuantan?
  - A. Terletak tidak begitu jauh dari bandar raya Kuala Lumpur.
  - B. Kampung ini dikelilingi kawasan pertanian yang luas.
  - C. Banyak pokok berembang tumbuh liar di tepi sungai di kampung ini.
  - D. Di kampung ini terdapat banyak kelip-kelip.
  
2. Mengapakah pokok berembang penting kepada kelip-kelip?
  - A. Pokok ini tumbuh dengan banyaknya di tebing sungai.
  - B. Pokok ini mengeluarkan cecair yang menjadi makanan kelip-kelip.
  - C. Pokok ini menapis kotoran dan racun dalam badan kelip-kelip.
  - D. Pokok ini melindungi kelip-kelip daripada musuh-musuhnya.

3. Kata **diterokai** dalam petikan bermaksud...
- A. ditemui.
  - B. diziarahi.
  - C. dihayati.
  - D. diselidiki.
4. Waktu-waktu yang berikut sesuai untuk melihat kelip-kelip, **kecuali**...
- A. 6.00 petang.
  - B. 9.00 malam.
  - C. 10.00 malam
  - D. 11.30 malam.
5. Pada pendapat anda, apakah bidang pekerjaan yang banyak dilakukan oleh penduduk Kampung Kuantan?
- A. perniagaan dan penternakan
  - B. pertanian dan pelancongan
  - C. perkilangan dan pertanian
  - D. penternakan dan pelancongan

**Soalan 6 hingga Soalan 10**

*Baca ucapan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Yang saya muliakan Tuan Pengerusi Majlis, Guru Besar, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Pada kesempatan ini saya ingin memperkatakan perihal pentingnya kita menganjurkan lawatan sambil belajar.

Guru dan rakan sekalian,

Lawatan sambil belajar merupakan satu daripada kegiatan berfaedah yang wajar kita manfaatkan. Kegiatan ini diadakan bukan untuk tujuan berseronok atau makan angin semata-mata. Sebaliknya, kegiatan ini merupakan suatu program pembelajaran tambahan. Menerusi kegiatan seperti ini, guru dapat menyediakan tugas seperti menulis catatan tentang lawatan yang disertai itu. Tugas seperti ini sudah tentu akan merangsang murid supaya lebih peka dan menghayati keadaan sekeliling. Secara tidak langsung, murid-murid akan lebih terbuka mindanya, seperti kata orang, jauh perjalanan, luas pemandangan.

Oleh yang demikian, sekiranya pihak sekolah ada menganjurkan lawatan sambil belajar, janganlah peluang tersebut dilepaskan. Hal ini demikian kerana kegiatan seumpama itu dapatlah diibaratkan seperti sambil menyelam minum air.

Namun begitu, sebelum menyertai sebarang lawatan yang dianjurkan, kebenaran ibu bapa perlu diperoleh terlebih dahulu. Jika ibu bapa tidak membenarkan, janganlah terlalu **mendesak** mereka. Mungkin ada sesuatu yang menjadi halangan pada mereka misalnya, faktor kewangan. Apabila berlaku hal sebegini, murid-murid perlulah bertindak dengan bijak. Hal ini penting bagi mengelakkan timbulnya masalah yang lebih buruk bukan sahaja kepada murid-murid tetapi juga kepada pihak sekolah.

Akhir kata, saya ingin mengingatkan rakan-rakan sekalian agar bertindaklah dengan bijak; ibarat menarik rambut di dalam tepung. Andai kata tidak mempunyai sebarang halangan, sertailah lawatan sambil belajar untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman. Sekian, terima kasih.

6. Yang berikut merupakan tujuan lawatan sambil belajar dianjurkan, **kecuali...**

- A untuk mengisi masa lapang murid-murid.
- B untuk menambahkan pengetahuan murid-murid.
- C untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan
- D untuk meningkatkan daya berfikir murid-murid

7. Mengapakah penyampai ucapan mengatakan bahawa peluang menyertai lawatan sambil belajar tidak harus dilepaskan?

- A peluang tersebut hanya datang sekali saja dalam hidup
- B murid-murid akan dimarahi oleh guru jika melepaskan peluang itu
- C selain berseronok, murid-murid dapat menimba pengetahuan
- D ibu bapa murid akan kecewa jika peluang itu dilepaskan

8. Kata **mendesak** dalam petikan bermaksud...

- A. merayu.
- B. memaksa
- C. mengugut.
- D. memujuk.

9. Mengapakah penyampai ucapan menasihati murid-murid agar tidak mendesak ibu bapa mereka?

- A ibu bapa murid-murid mungkin akan naik angin
- B ibu bapa murid-murid akan memarahi pihak sekolah
- C ibu bapa murid-murid mungkin mempunyai masalah tertentu
- D ibu bapa murid-murid akan meminta bantuan kewangan daripada pihak sekolah


10. Peribahasa **ibarat menarik rambut di dalam tepung** bermaksud...

- A. sesuatu kerja itu perlulah dibuat dengan cepat.
- B. sesuatu masalah itu perlu diselesaikan dengan bijaksana.
- C. sesuatu masalah itu perlulah dikongsi bersama.
- D. sesuatu urusan hendaklah dilaksanakan dengan sungguh-sungguh.

**Soalan 11 hingga Soalan 15**

Baca iklan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**TEMA: “HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

	<p style="text-align: center;">Borang Penyertaan</p> <p>Nama : .....</p> <p>Sekolah : .....</p> <p>Tahun/Tingkatan: .....</p> <p>Alamat : ..... .....</p>
--	---

OBJEKTIF PERTANDINGAN

- Memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai hak asasi manusia.
- Memberikan peluang kepada pelajar untuk meluahkan pandangan mereka mengenai hak asasi manusia.
- Memberikan peluang kepada pelajar untuk mempelajari hak asasi manusia demi mewujudkan masyarakat penyayang.

SYARAT –SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar sekolah mengikut kategori berikut:
  - Sekolah Rendah : Tahun 1 - 6
  - Menengah Rendah : Tingkatan 1 - 3
2. Mesej mestilah dalam bentuk lukisan menggunakan kertas lukisan bersaiz 42cm x 29.7cm (A3).
3. Menerangkan lukisan tersebut sekurang-kurangnya dalam satu ayat.

## HADIAH-HADIAH

### Murid Sekolah Rendah

- Pertama : RM500 dan sijil penyertaan
- Kedua : RM300 dan sijil penyertaan
- Ketiga : RM200 dan sijil penyertaan

### Pelajar Sekolah Menengah

- Pertama : RM1000 dan sijil penyertaan
- Kedua : RM600 dan sijil penyertaan
- Ketiga : RM400 dan sijil penyertaan

## TARIKH TUTUP

15 Mei 2004

*Sila hantar borang penyertaan ke alamat berikut:*

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA  
Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.

11. Tujuan utama pertandingan itu diadakan ialah untuk...
- A. mencungkil bakat melukis dalam kalangan pelajar sekolah.
  - B. memberikan galakan kepada pelajar menghasilkan mesej melalui lukisan.
  - C. menyedarkan pelajar agar menghayati hak asasi manusia demi mewujudkan masyarakat penyayang
  - D. memberikan peluang kepada pelajar untuk memenangi hadiah yang lumayan
12. Berapakah jumlah keseluruhan wang tunai yang disediakan kepada para pemenang?
- A. RM2000
  - B. RM3000
  - C. RM4000
  - D. RM5000

13. Penyertaan yang berikut akan diterima, **kecuali**...
- A. mesej yang dilukis oleh murid Tahun Enam.
  - B. mesej yang disertakan dengan penerangan dalam dua baris ayat
  - C. mesej yang dihantar sebelum tarikh tutup.
  - D. mesej yang dilukis pada kertas bersaiz A4.
14. Pada pendapat anda, apakah sikap yang dapat dilahirkan daripada pertandingan seumpama ini?
- A. prihatin dan bertimbang rasa
  - B. berani dan bersemangat
  - C. jujur dan sabar
  - D. rajin dan bersungguh-sungguh
15. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.
- A. Borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar sebelum 15 Mei 2004.
  - B. Peserta hendaklah menulis mesej berdasarkan lukisan yang dilukisnya.
  - C. Peserta dikehendaki menulis penerangan tentang mesej sekurang-kurangnya dalam sepatah perkataan.
  - D. Hadiah yang disediakan kepada pelajar sekolah menengah lebih lumayan berbanding dengan murid sekolah rendah.

**Soalan 16 hingga Soalan 20**

*Baca surat kiriman di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS),  
Jalan Haji Muda,  
43000 Kajang.

---

Zahari bin Mat Desa,  
No. 48, Jalan Sentosa 6,  
Taman Kajang Utama,  
43000 Kajang.

24 APRIL 2004.

Saudara,

Aduan tentang Gangguan Bekalan Air

Perkara di atas dirujuk.

2. Berhubung dengan aduan saudara dalam surat bertarikh 20 April yang lalu, ingin kami maklumkan bahawa aduan saudara telah kami siasat.

3. Dalam siasatan kami, didapati bahawa sebatang paip utama yang menghubungkan bekalan air ke perumahan di taman saudara mengalami kebocoran. Sebagai akibatnya, separuh daripada bekalan air yang melalui saluran paip ini terbuang begitu saja. Hal ini menyebabkan tekanan aliran air ke kawasan saudara menjadi rendah. Inilah sebenarnya punca masalah gangguan air yang sering melanda kawasan perumahan saudara.

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami akan menggantikan paip yang bocor itu secepat yang mungkin. Pihak kami terpaksa menutup bekalan air ke kawasan perumahan saudara untuk kerja-kerja membaik pulih.

5. Pihak kami mengucapkan ribuan terima kasih atas aduan saudara. Kami memohon maaf atas **kesulitan** yang saudara alami dan berharap agar saudara serta penduduk yang terlibat dapatlah bersabar .

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang menjalankan tugas,

**ZAMSARI**

(ZAMSARI BIN SULAIMAN)

16. Apakah tujuan surat ini ditulis?
- A. membuat aduan tentang kebocoran paip air
  - B. melaporkan kejadian gangguan bekalan air di Taman Kajang Utama
  - C. menjawab aduan yang ditulis oleh Zahari bin Mat Desa
  - D. memaklumkan bahawa bekalan air ke Taman Kajang Utama akan ditutup
17. Apakah punca masalah gangguan bekalan air di taman tersebut?
- A. sikap pengguna yang suka membazir
  - B. terdapat kebocoran paip
  - C. penggunaan bekalan air yang berlebihan
  - D. air yang melalui paip utama meresap ke dalam tanah

18. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS)?
- A. membalas surat aduan dengan segera
  - B. menutup bekalan air ke taman tersebut
  - C. menggantikan paip yang bocor dengan paip yang baru
  - D. menasihati penduduk taman tersebut supaya bersabar
19. Berdasarkan surat tersebut, apakah sikap yang ditunjukkan oleh pihak Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS)?
- A. bersabar
  - B. prihatin
  - C. bersatu padu
  - D. murah hati
20. Kata **kesulitan** dalam petikan bermaksud...
- A. ketakutan.
  - B. kemalangan.
  - C. kesukaran.
  - D. kesakitan.

**Soalan 21 hingga Soalan 32**

*Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisiikan ke tempat kosong dalam ayat di bawah.*

21. Puan Haliza \_\_\_\_\_ kek itu untuk dihidangkan kepada tetamu.
- A. mengerat
  - B. menghiris
  - C. memotong
  - D. mencancang
22. Hidung Rahimah \_\_\_\_\_ kerana dia menghidap selesema.
- A. tersekat
  - B. terhalang
  - C. tersumbat
  - D. tertekan

23. Doktor Sukinder sedang memberikan \_\_\_\_\_ tentang penyakit kencing manis.
- A. keterangan
  - B. penerangan
  - C. menerangkan
  - D. diterangkan
24. Abang suka menggunakan warna yang \_\_\_\_\_ dalam lukisannya.
- A. pucat
  - B. pudar
  - C. luput
  - D. lusuh
25. Pandangan nenek semakin \_\_\_\_\_ kerana beliau sudah tua.
- A. buta
  - B. pudar
  - C. kabur
  - D. kelam
26. Walaupun kain batik itu kelihatan lusuh \_\_\_\_\_ masih elok untuk dipakai.
- A. sambil
  - B. kecuali
  - C. biarpun
  - D. tetapi
27. Muka pesakit itu \_\_\_\_\_ manakala badannya kurus kering.
- A. pucat lesi
  - B. hitam legam
  - C. merah padam
  - D. lemah longlai
28. Suasana di majlis itu \_\_\_\_\_ dengan suara para tetamu.
- A. hingar-bingar
  - B. porak-peranda
  - C. kelam-kabut
  - D. terang-benderang

29. Ayah telah membeli enam \_\_\_\_\_ dawai dan lima \_\_\_\_\_ kayu untuk membuat pagar.
- A. utas ... batang
  - B. gulung ...keping
  - C. gelung ...batang
  - D. bidang ...keping
30. Kakak mencatat senarai barang-barang yang hendak dibelinya di atas se \_\_\_\_\_ kertas.
- A. cubit
  - B. cebis
  - C. buku
  - D. lembar
31. Shahidan tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyelamatkan nyawa mangsa kemalangan itu kerana dia sudah \_\_\_\_\_.
- A. makan diri
  - B. mati akal
  - C. rambang mata
  - D. serkap jarang
32. "Kita perlu \_\_\_\_\_ untuk menyelesaikan masalah kewangan syarikat,"kata Encik Ho kepada rakan kongsinya.
- A. mencari jalan
  - B. mengikut jejak
  - C. memasang telinga
  - D. mengadu domba

**Soalan 33 dan Soalan 34**

*Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang bergaris .*

33. Encik Maniam mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit setahun hasil perniagaan barangan logam.
- A. mencapai
  - B. menarik
  - C. mendapat
  - D. merebut

34. “Janganlan kamu berbalah hanya kerana perkara yang remeh-temeh,” kata Puan Farhana kepada anak-anaknya.
- A. berdebat
  - B. berperang
  - C. bertelagah
  - D. bersaing

**Soalan 35 dan Soalan 36**

*Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang bergaris.*

35. Maheran bercadang untuk menyertai program itu kerana ingin menimba pengalaman yang berguna.
- A. Apakah kelebihan menyertai program itu?
  - B. Mengapakah Maheran ingin menyertai perkhemahan itu?
  - C. Bagaimanakah Maheran mendapat pengalaman yang berguna?
  - D. Benarkah Maheran ingin menyertai perkhemahan itu?
36. Taman bunga itu perlu diawasi oleh pihak berkuasa agar kebersihannya sentiasa terjaga.
- A. Apakah tugas pihak berkuasa terhadap taman bunga itu?
  - B. Siapakah yang diberi tugas mengawasi taman bunga itu?
  - C. Bagaimanakah cara untuk menjaga kebersihan taman bunga itu?
  - D. Mengapakah pihak berkuasa perlu mengawasi taman bunga itu?

**Soalan 37 dan Soalan 38**

*Pilih jawapan yang paling sesuai kepada soalan yang bergaris.*

37. Bagaimanakah keadaan mangsa kebakaran itu?
- A. Kebakaran itu telah mengakibatkan banyak nyawa yang terkorban.
  - B. Mangsa yang cedera parah telah dihantar ke hospital.
  - C. Mangsa kebakaran itu dirawat sebagai pesakit luar di klinik yang berhampiran.
  - D. Mangsa kebakaran itu mengalami cedera ringan di bahagian kakinya.

38. Mengapakah kita perlu makan makanan yang berkhasiat?
- A. Khasiat makanan boleh didapati di dalam nasi, sayur-sayuran, dan buah-buahan.
  - B. Makanan yang berkhasiat mempunyai protein, vitamin, dan karbohidrat.
  - C. Makanan berkhasiat dapat menjadikan badan kita sihat dan bertenaga.
  - D. Kita perlu makan makanan berkhasiat setiap hari.

**Soalan 39 dan Soalan 40**

*Pilih ayat yang sama maksudnya dengan ayat yang bergaris.*

39. Keperitan hidup pada zaman kanak-kanak mendorong Sahri berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan perniagaannya.
- A. Sahri berjaya memajukan perniagaannya walaupun mengalami keperitan hidup pada zaman kanak-kanak.
  - B. Kesungguhan Sahri memajukan perniagaannya didorong oleh pengalaman pahit yang dialaminya pada zaman kanak-kanak.
  - C. Dorongan yang diterima pada zaman kanak-kanak telah menjadikan Sahri berjaya memajukan perniagaannya.
  - D. Perniagaan Sahri pada zaman kanak-kanak semakin maju kerana didorong oleh faktor keperitan hidup yang dialaminya.
40. “Cuba lagi Anis. Jangan lekas berputus asa. Orang yang mudah berputus asa tidak akan berjaya hidupnya,” kata Cikgu Rozita.
- A. Cikgu Rozita memarahi Anis kerana lekas berputus asa.
  - B. Cikgu Rozita menasihati Anis agar terus berusaha sehingga berjaya.
  - C. Cikgu Rozita menasihati Anis mengikut jejak orang yang telah berjaya.
  - D. Cikgu Rozita menyuruh Anis mencontohi sikap beliau yang tidak mudah berputus asa.

**Soalan 41 hingga Soalan 42.**

*Pilih ayat yang menggunakan tanda baca dengan betul.*

41. A. “Amboi! Wanginya bunga ros yang kamu beri ini, Anuar,” kata Rina.
- B. “Amboi wanginya! bunga ros yang kamu beri ini Anuar,” kata Rina.
- C. “Amboi, wanginya bunga ros yang kamu beri ini, Anuar!”kata Rina.
- D. “Amboi, wanginya bunga ros yang kamu beri ini Anuar ”kata Rina.

42. A. Dahlan, adik kepada Dahari akan menyambut hari jadinya yang ke-10 pada hari Isnin ini.  
B. Dahlan adik kepada Dahari, akan menyambut hari jadinya yang ke10 pada hari Isnin ini.  
C. Dahlan adik kepada Dahari akan menyambut hari jadinya yang ke 10 pada hari Isnin ini.  
D. Dahlan; adik kepada Dahari akan menyambut hari jadinya yang ke-10 pada hari Isnin ini.

### Soalan 43

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud tunggal.

43. I Adik gemar makan bebola ikan.  
II Tauke Wong mengira keuntungan kedai runcitnya menggunakan dekak-dekak.  
III Mak Yam menanam pelbagai jenis bunga-bunga di halaman rumah.  
IV Kunang-kunang sering kelihatan di kawasan itu pada waktu malam.
- A. I dan II sahaja  
B. II dan III sahaja  
C. I, II dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV

### Soalan 44

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud bilangan banyak.

44. I Anak-anak kucing Halimah comel belaka.  
II Kanak-kanak yang malang itu akan dihantar ke rumah kebajikan.  
III Orang ramai berduyun-duyun mengunjungi pameran itu.  
IV Hazman suka memakai baju bercorak jalur-jalur.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, II dan III sahaja  
D. I, III dan IV sahaja

**Soalan 45 hingga Soalan 47**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan yang **bergaris** dengan betul.

45. I Puan Aliza masih dalam pantang kerana baru sebulan melahirkan anak sulungnya.  
II “Jika kamu melanggar pantang ini, kamu akan jatuh sakit,” kata dukun itu kepada Mamat.  
III Pendekar Daeng bukan main pantang handalnya.  
IV Pihak polis berjaya memberkas lelaki yang pantang melawan itu.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, II dan III sahaja  
D. I, II, III dan IV
46. I Salehan tajam penselnya dengan pisau.  
II Tajam sungguh jelingan gadis itu.  
III Kakinya luka kerana terpijak duri yang tajam.  
IV Mahani tidak tahan dengan sindiran tajam kawan-kawannya.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, III dan IV sahaja  
D. II, III dan IV sahaja
47. I Proses itu bertujuan untuk melembutkan bahagian kayu yang masih keras.  
II Kegagalan yang dialaminya itu sedikit pun tidak melembutkan semangatnya.  
III Kata-kata manis Puan Marhaini berjaya melembutkan hati suaminya itu.  
IV Bayu yang bertiup di puncak gunung itu sungguh dingin dan melembutkan.
- A. I dan II sahaja  
B. I dan III sahaja  
C. II, III, dan IV sahaja  
D. I, II, III, dan IV

**Soalan 48 hingga Soalan 50**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

48. I Kadir murid yang terpandai sekali di Kelas Enam Nilam.  
II Beratus orang pekerja syarikat itu telah diberhentikan kerja.  
III Berbagai-bagai jenis barangan kraf tangan ada dijual di situ.  
IV Sesetengah pelajar tidak suka belajar secara berkumpulan.
- A. I dan II sahaja  
B. I dan III sahaja  
C. II dan IV sahaja  
D. III dan IV sahaja
49. I Sebaik-baiknya, basuhlah kaki dahulu sebelum tidur.  
II Ghulam tidak termakan goreng mi yang pedas itu.  
III Air matanya menitis membasahkan pipinya yang gebu itu.  
IV Borang penyertaan peraduan itu sudah habis.
- A. I dan II sahaja  
B. II dan III sahaja  
C. I dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV
50. I Alias masih belum bangun meskipun sudah dikejutkan.  
II Biarpun hidupnya mewah, dia suka boros berbelanja.  
III Fazlina telah menceburi bidang perniagaan dari tiga tahun yang lalu.  
IV Dalam kejadian ribut itu, bumbung rumah Pak Manap telah diterbangkan oleh angin.
- A. I dan II sahaja  
B. II dan III sahaja  
C. I dan IV sahaja  
D. III dan IV sahaja

**KERTAS SOALAN TAMAT**